

# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (No.12557-W)

A Member Of The Pacific & Orient Group

Website: www.poi2u.com



HEAD OFFICE  
JOHOR BAHRU  
MELAKA  
IPOH  
PENANG  
KUCHING  
KUANTAN  
KOTA KINABALU

11<sup>th</sup> Floor Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, P.O.Box 10953, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia  
Suite 905, 9th Floor, Johor Tower, No.15 Jalan Gereja, 80100, Johor Bahru, Johor, Malaysia  
No.2, Jalan PM7, Plaza Mahkota, Bandar Hilir, 75000 Melaka, Malaysia  
75, Jalan Raja Ekram, 30450 Ipoh, Perak, Malaysia  
66, Jalan Zainal Abidin, 10400 Georgetown, Pulau Pinang, Malaysia  
Lot 262, 1st Floor, Jalan Haji Taha, 93400 Kuching, Sarawak, Malaysia  
B-62, Lorong Tun Ismail 8, Sri Dagangan 2, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang, Malaysia  
Unit 10-1, (Lot 12) Block B, Inanam Business Centre, 88450 Inanam, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 03-2698 5033  
Tel: 07-2222 537  
Tel: 06-2848 298  
Tel: 05-2550 370  
Tel: 04-2278 355  
Tel: 082-239 019  
Tel: 09-5146 332  
Tel: 088-389 927



## BUSINESS CENTRES

Sungai Besi  
Sungai Petani

165-3-1, Wisma Mutiara, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia.  
85 Jalan 1A 1st & 2nd Floor, Pusat Perniagaan Pekan Lama, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

Tel: 03-9223 0646  
Tel: 04-423 1425

TOLL FREE NO. 1 800 88 2121

## PERSONAL ACCIDENT (Continental Scheme) POLISI KEMALANGAN PERIBADI (Skim Continental)

### NOTICE / PEMBERITAHUAN

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

WHEREAS the Insured described in the Schedule hereto has made to the **PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD** (hereinafter called the "Company") a Proposal and Declaration which shall be the basis of this Contract and which is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the Premium stated in the Schedule hereto as consideration for the insurance hereinafter contained.

**BAHAWASANYA Pemegang Insurans yang dinamakan dalam jadual kepada Polisi ini telah membuat satu Cadangan dan Perakuan kepada PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") yang menjadi asas bagi Kontrak ini dan yang dianggap sebagai terkandung di dalamnya, dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebagai pertimbangan untuk insurans yang terkandung seterusnya.**

NOW THIS POLICY WITNESSETH that if at any time during the Period of Insurance stated in the Schedule hereto or during any further Period for which the Company may accept payment for the renewal of this Policy the Insured Person shall sustain any Bodily Injury caused solely and directly by violent accidental external and visible means and being the sole and direct cause of an insured Person's death or disablement as hereinafter defined, THEN the Company will pay to the Insured, or in the event of the death of the Insured Person to the Insured's legal personal representatives, or such beneficiary or beneficiaries as may be stipulated in the Schedule of this Policy, the sum or sums of money set forth in the Schedule.

**MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual kepada Polisi ini atau dalam sebarang Tempoh selanjutnya untuk mana Syarikat bersetuju menerima pembayaran untuk pembaharuan Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan mengalami sebarang Kecederaan Badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kejadian kemalangan luar yang berat dan ketara dan menjadi sebab tunggal dan secara langsung kematian atau kehilangan upaya Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditafsirkan seterusnya, MAKA Syarikat akan membayar kepada Pemegang Insurans, atau sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, kepada wakil peribadi Pemegang Insurans yang sah di sisi undang-undang, atau benefisiari-benefisiari seperti yang ditetapkan dalam jadual Polisi ini, jumlah atau jumlah-jumlah wang yang dinyatakan dalam Jadual.**

### Consumer Insurance Contracts / Kontrak Insurans Pengguna

This Policy is issued in consideration of the payment of premium as specified in the Policy Schedule and pursuant to the answers given in Your Proposal Form (or when you applied for this insurance) and any other disclosures made by you between the time of submission of your Proposal Form (or when you applied for this insurance) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by you shall form part of this contract of insurance between you and us. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to your answers or in any disclosures given by you, only the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013 will apply.

This Policy reflects the terms and conditions of the contract of insurance as agreed between you and us.

**Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.**

**Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.**

### PROVIDED ALWAYS THAT:- / DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL BAHAWA:-

- No sum stated in the Schedule shall be payable:-
  - Under Benefits A & B unless the death or disablement as therein defined takes place within 24 months after the date of the Bodily Injury.
  - Under Benefits C and/or D in respect of any one injury for more than 104 weeks from the commencement of the disablement.
  - Until the total amount of compensation shall have been ascertained and agreed.

#### Jumlah yang dinyatakan dalam Jadual tidak akan dibayar:-

- Di bawah Faedah A & B melainkan kematian atau kehilangan upaya seperti yang diuraikan di dalam ini berlaku dalam tempoh 24 bulan selepas tarikh Kecederaan Badan.
  - Di bawah Faedah C dan/atau D bagi mana-mana satu kecederaan untuk lebih daripada 52 minggu dari tarikh permulaan kehilangan upaya.
  - Sehingga jumlah penuh pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
- The aggregate of all percentages payable in respect of any one accident shall not exceed 100%.  
**Agregat semua peratusan yang perlu dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%.**
  - The Insured shall not be entitled to compensation under more than one of the Benefits A to D in respect of any one accident except that the Insured shall be entitled to receive compensation under Benefit D for a period in succession to a period under Benefit C.  
**Pemegang Insurans tidak berhak untuk mendapat pampasan di bawah lebih daripada satu Faedah A hingga D bagi mana-mana satu kemalangan kecuali bahawa Pemegang Insurans berhak untuk menerima pampasan di bawah Faedah D untuk satu tempoh yang berlanjutan daripada tempoh di bawah Faedah C.**
  - Any sums paid under Benefits C and/or D shall be deducted from any sum becoming due under Benefits A or B.  
**Sebarang jumlah yang dibayar di bawah Faedah C dan/atau D akan dipotong daripada sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Faedah A atau B.**
  - With the exception of Medical Expenses, as defined herein, the Company shall not be liable to make any further payment under this Policy after a claim under Benefits A or B has been admitted and becomes payable.  
**Melainkan Perbelanjaan Perubatan, seperti yang dinyatakan di dalam ini, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran selanjutnya di bawah Polisi ini selepas tuntutan di bawah Faedah A atau B telah diperakui dan perlu dibayar.**



**TABLE OF BENEFITS / JADUAL FEDAH**

		Percentage of Compensation Peratusan Jumlah Besar
<b>A. DEATH</b>	<b>A. KEMATIAN</b> .....	100%
<b>B. PERMANENT TOTAL DISABLEMENT RESULTING IN:</b>	<b>B. KEHILANGAN UPAYA PENUH DAN KEKAL YANG MENGAKIBATKAN:</b>	
Loss of two limbs	<b>Kehilangan dua anggota</b>	
Loss of both hands, or of all fingers and both thumbs	<b>Kehilangan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari</b>	}
Total loss of sight of both eyes	<b>Kehilangan sepenuhnya penglihatan kedua-dua mata</b>	
Total paralysis	<b>Lumpuh sepenuhnya</b>	
Injuries resulting in being permanently bedridden	<b>Kecederaan yang mengakibatkan terlantar atas katil selama-lamanya</b>	
Any other injury causing permanent total disablement	<b>Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya penuh dan kekal</b>	
Loss of arm at shoulder	<b>Kehilangan lengan dari paras bahu</b>	
Loss of arm between shoulder and elbow	<b>Kehilangan lengan antara bahu dan siku</b>	
Loss of arm at elbow	<b>Kehilangan lengan dari paras siku</b>	
Loss of arm between elbow and wrist	<b>Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan</b>	
Loss of hand at wrist	<b>Kehilangan tangan dari paras pergelangan tangan</b>	
Loss of leg	<b>Kehilangan kaki</b>	
- At hip	- Dari paras pinggul	}
- Between knee and hip	- Antara lutut dan pinggul	
- Below knee	- Dari paras bawah lutut	
Loss of sight, of one eye	<b>Kehilangan penglihatan, sebelah mata</b> .....	50%
Loss of lens of eyes	<b>Kehilangan lens mata</b> .....	50%
Loss of four fingers and thumb of one hand	<b>Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan</b> .....	50%
Loss of four fingers	<b>Kehilangan empat jari</b> .....	40%
Loss of thumb	<b>Kehilangan ibu jari</b>	
- Both phalanges	- Kedua-dua falanks .....	25%
- One phalanx	- Satu falanks .....	10%
Loss of index finger	<b>Kehilangan jari telunjuk</b>	
- Three phalanges	- Tiga falanks .....	10%
- Two phalanges	- Dua falanks .....	8%
- One phalanx	- Satu falanks .....	4%
Loss of middle finger	<b>Kehilangan jari hantu</b>	
- Three phalanges	- Tiga falanks .....	6%
- Two phalanges	- Dua falanks .....	4%
- One phalanx	- Satu falanks .....	2%
Loss of ring finger	<b>Kehilangan jari manis</b>	
- Three phalanges	- Tiga falanks .....	5%
- Two phalanges	- Dua falanks .....	4%
- One phalanx	- Satu falanks .....	2%
Loss of little finger	<b>Kehilangan jari kelingking</b>	
- Three phalanges	- Tiga falanks .....	4%
- Two phalanges	- Dua falanks .....	3%
- One phalanx	- Satu falanks .....	2%
Loss of metacarpals	<b>Kehilangan metakarpus</b>	
- First or second (additional)	- Pertama atau kedua (tambahan)	3%
- Third, fourth or fifth (additional)	- Ketiga, keempat atau kelima (tambahan) .....	2%
Loss of toes	<b>Kehilangan jari kaki</b>	
- All	- Semua .....	15%
- Great, Both phalanges	- Ibu jari, kedua-dua falanks .....	5%
- Great, one phalanx	- Ibu jari, satu falanks .....	2%
- Other than great, if more than one toe lost, each	- Selain ibu jari, jika lebih satu jari, setiap satu .....	1%
Loss of hearing	<b>Kehilangan pendengaran</b>	
- Both ears	- Kedua-dua telinga .....	75%
- One ear	- Sebelah telinga .....	15%
Loss of speech	<b>Kehilangan upaya bertutur</b> .....	50%

**C. TEMPORARY TOTAL DISABLEMENT** from engaging in or giving attention to profession or occupation; Weekly Compensation at the rate stated under item C of the Schedule hereto shall be payable.  
**KEHILANGAN UPAYA PENUH SEMENTARA** untuk melakukan atau memberi perhatian kepada profession atau pekerjaan; Pampasan Mingguan pada kadar yang dinyatakan di bawah perkara C dalam Jadual di bawah ini akan dibayar.

**D. TEMPORARY PARTIAL DISABLEMENT** from engaging in or giving attention or occupation; Weekly Compensation at the rate stated under item D of the Schedule hereto shall be payable.  
**KEHILANGAN UPAYA SEBAHAGIAN SEMENTARA** untuk melakukan atau memberi perhatian kepada profession atau pekerjaan; Pampasan Mingguan pada kadar yang dinyatakan di bawah perkara D dalam Jadual di bawah ini akan dibayar.

**E. MEDICAL EXPENSES** necessarily and reasonably incurred and supported by receipt accounts from a medical practitioner registered under the Medical Act 1971 (but only to extent that they are not recoverable from any other source) in respect of any one occurrence for which compensation is payable under Benefits A to D of the Policy; up to but not exceeding the Sum Insured under item E of the Schedule hereto shall be payable.  
**PERBELANJAAN PERUBATAN** perlu dan wajar yang ditanggung dan disokong oleh akaun beresit daripada pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 (tetapi hanya setakat yang mana tidak dapat dituntut semula daripada sebarang sumber lain) bagi mana-mana satu kejadian untuk mana pampasan perlu dibayar di bawah Faedah A hingga D Polisi ini; bayaran akan dibuat setakat tetapi tidak melebihi Jumlah Yang Diinsuranskan di bawah Perkara E dalam Jadual kepada Polisi ini.

Permanent total loss of use of member shall be treated as loss of member.  
**Kehilangan penuh dan kekal penggunaan anggota dianggap sebagai kehilangan anggota.**

In the event of partial loss of any member above a proportionately lower percentage of compensation shall be payable.  
**Sekiranya berlaku kehilangan sebahagian daripada mana-mana anggota di atas, peratusan pampasan yang dikurangkan secara sekadar akan dibayar.**

In the event of Permanent Disablement by physical loss or loss of use not specified above the percentage of compensation shall be assessed in proportion to the degree of disability as compared with the cases specified without reference to the profession or occupation of the Insured.  
**Sekiranya berlaku Kehilangan Upaya Kekal berpunca daripada kehilangan fizikal atau kehilangan penggunaan yang tidak dinyatakan di atas, peratusan pampasan akan ditaksir mengikut tahap kehilangan upaya berbanding dengan kes-kes yang dinyatakan, tanpa merujuk kepada profession atau pekerjaan Pemegang Insurans.**

Loss of Eye means total and irrecoverable loss of all sight rendering the Insured absolutely blind in the eye beyond remedy by surgical or other treatment.  
**Kehilangan Mata bermakna kehilangan penuh segala penglihatan dan tidak boleh dipulihkan yang menyebabkan mata Pemegang Insurans buta sepenuhnya dantidak boleh dirawat menerusi pembedahan atau rawatan lain.**

Permanent Total Disablement means absolute disablement from engaging in or giving attention to profession or occupation of any kind.  
**Kehilangan Upaya Penuh dan Kekal bermakna ketiadaan upaya penuh untuk melakukan atau memberi perhatian kepada sebarang bentuk profession atau pekerjaan.**

Temporary Total Disablement means disablement from engaging in or giving attention to any portion of the Insured's ordinary profession or occupation.  
**Kehilangan Upaya Penuh Sementara bermakna ketiadaan upaya untuk melakukan atau member perhatian kepada man-mana bahagian profession atau pekerjaan biasa Pemegang Insurans.**

Temporary Partial Disablement means partial disablement from engaging in or giving attention to the Insured's ordinary profession or occupation. / **Kehilangan Upaya Sebahagian Sementara bermakna kehilangan upaya sebahagian untuk melakukan atau memberi perhatian kepada profession atau pekerjaan biasa Pemegang Insurans.**

## EXCEPTIONS / PENGECUALIAN-PENGECCUALIAN

This Policy does not cover (Unless the consent of the Company should have previously been obtained and recorded by endorsement thereon:-  
**Polisi ini tidak melindungi (Melainkan kebenaran Syarikat telah diperolehi terlebih dahulu dan dicatatkan menerusi pengendorsan kepadanya):-**

- Death or Disablement occasioned by or happening through:-
  - War Invasion Act of Foreign Enemy Hostilities (whether War be declared or not) Civil War Rebellion Revolution Insurrection Riot & Strike Civil Commotion Military or Usurped Power and in the event of any claim hereunder the Insured shall when so required by the Company prove that the claim arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
  - Self Injury Suicide or Attempted Suicide (whether felonious or not) Provoked Assault, Insanity, or the effect or influence (temporary or otherwise) of alcohol or drugs not prescribed by a qualified medical practitioner; Venereal Disease, Pregnancy or Childbirth, Hernia, Fits of any kind, Disease or Sickness of any kind, or any pre-existing physical defect or infirmity.

**Kematian atau Kehilangan Upaya yang disebabkan oleh atau berlaku kerana:-**

  - Peperangan, Penyerangan, Tindakan Musuh Asing (sama ada Peperangan diisytiharkan atau tidak), Perang Saudara, Pemberontakan, Revolusi, Kebangkitan Rakyat, Rusuhan & Mogok, Kekacauan Awam, Rampasan Kuasa atau Kuasa Tentera dan sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah ini, Pemegang Insurans hendaklah, apabila diperlukan berbuat demikian oleh Syarikat, membuktikan bahawa tuntutan tersebut timbul secara berasingan daripada dan tiada kaitan langsung dengan atau disebabkan oleh atau sebahagiannya disebabkan oleh atau berpunca daripada mana-mana kejadian tersebut atau sebarang akibat daripadanya dan jika bukti tersebut gagal dikemukakan, Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran bagi tuntutan sedemikian.
  - Mencederakan Diri Sendiri, Membunuh Diri atau Percubaan Membunuh Diri (sama ada dengan niat melakukan jenayah atau tidak), Serangan Disebabkan Provokasi, Tidak Siuman, atau kesan atau pengaruh (sama ada sementara atau sebaliknyanya) alkohol atau dadah yang tidak diberikan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan, Penyakit Kelamin, Kehamilan, Kelahiran Anak, Hernia, sebarang bentuk sawan, Penyakit atau sebarang bentuk Kesakitan, atau sebarang kecacatan atau masalah yang sedia wujud.
- Death or Disablement occurring whilst the insured being in or upon or entering or descending from Aircraft of any kind or caused by or resulting from a descent or fall from such Aircraft except in respect of the Insured's journeys as a ticket-holding passenger over established air routes in fully licensed standard type aircraft owned and/or operated by a recognised Air Line.

**Kematian atau Kehilangan Upaya yang berlaku semasa Pemegang Insurans berada di dalam atau di atas atau sedang masuk atau turun dari sebarang bentuk Pesawat atau yang disebabkan oleh atau akibat turun atau jatuh dari Pesawat kecuali Pemegang Insurans mengembara sebagai penumpang yang memegang tiket bagi penerbangan berjadual tetap dalam pesawat jenis biasa berlesen penuh yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan yang diiktiraf.**
- Death or disablement consequent upon, the insured engaging in Professional Sports, Football, Hunting, Ice Hockey, Motorcycling, Polo Playing, Racing of all kinds, Speleology, Steeplechasing, Winter Sports, Yachting, Water-ski Jumping, Underwater Activities involving in the use of underwater breathing apparatus, Hang-Gliding, Skydiving, Parachuting, engaging in Martial Arts or Self Defence in Tournament, Competition, Demonstration or Exhibition, or using Woodworking Machinery driven by mechanical power, Timber and Logging Operations, Mountaineering.

**Kematian atau Kehilangan upaya disebabkan Pemegang Insurans melibatkan diri dalam Sukan Profesional, Bolasepak, Kegiatan Memburu, Hoki Ais, Menunggang Motosikal, Bermain Polo, segala bentuk Perlumbaan, Peneroka Gua, Lari Berhalangan, Sukan Musin Sejuk, Perahu Layar, Lompakan Ski Air, Kegiatan Bawah Air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan bawah air, Luncur Udara, Terjun Udara, Payung Terjun, penglibatan dalam seni Mempertahankan Diri atau Seni Pertarungan dalam Kejujangan, Pertandingan, Demonstrasi atau Pameran, atau penggunaan Mesin Pertukangan Kayu yang dipacu oleh kuasa mekanikal, Operasi Penebangan dan Pembalakan, Mendaki Gunung.**
- Death or Disablement occasioned by or happening through
  - Ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. Solely for the purpose of this exclusion, combustion shall include self sustaining process of nuclear fission.
  - Nuclear weapons material.

**Kematian atau Kehilangan upaya yang disebabkan oleh atau berlaku akibat:**

  - Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
  - Bahan senjata nuklear

## WARRANTIES, ENDORSEMENT AND CLAUSES

The following warranties, endorsement and clauses are not applicable unless specified in the Schedule

### WARANTI, PENGENDORSAN DAN FASAL

**Waranti, pengendorsan dan fasal berikut tidak berkuatkuasa kecuali dinyatakan dalam jadual**

#### 5P3 FOOTBALL/RUGBY CLAUSE / FASAL BOLASEPAK/RAGBI

Notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is hereby declared and agreed that this policy extends to cover death and/or disablement arising out of playing football (amateur) / rugby.  
**Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian dan/atau kehilangan upaya yang timbul kerana bermain bolasepak (amatir)/ragbi.**

#### 5P12 YACHTING CLAUSE / FASAL PERAHU LAYAR

It is hereby declared and agreed that the insurance under this policy shall extend to include the risk of yachting.  
**Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans di bawah Polisi ini dilanjutkan untuk meliputi risiko belayar dengan perahu layar.**

#### 5P27 AIDS EXCLUSION CLAUSE / FASAL PENGECUALIAN AIDS

Notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is hereby agreed and understood that this insurance does not cover death injury illness, charges or expenses sustained by the Insured Person, attributable directly to HIV (Human Immunodeficiency Virus) and/or any HIV related illness including AIDS and/or any mutant derivatives or variation thereof.  
**Walau apa pun yang dinyatakan di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini dipersetujui dan difahami bahawa insurans ini tidak melindungi kematian, kecederaan, kesakitan, caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan.atau sebarang derivative mutasi dan variasinya.**

#### 5P31 HUNTING CLAUSE / FASAL MEMBURU

Notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is hereby agreed and understood that this Policy extends to cover death or disablement or any other loss expressly insured herein, sustained by the Insured Person whilst legally engaged in hunting activities as an occasional recreation.  
**Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini dipersetujui dan difahami bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau kehilangan upaya atau sebarang kehilangan lain yang secara khusus diinsuranskan di dalam Polisi ini, yang dialami oleh Orang Yang diinsuranskan semasa melibatkan diri secara sah dalam kegiatan memburu sebagai satu kegiatan rekreasi sekali-sekala.**

#### 5P33 MOTOR-CYCLE CLAUSE / FASAL MOTOSIKAL

Notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is hereby agreed and understood that this policy extends to cover death or disablement or any other loss expressly insured herein, sustained by the Insured Person whilst operating or riding a motor-cycle (whether as a rider or passenger), provided always that this extension shall not apply, whilst the Insured Person is engaged in racing, pace-making, reliability trial or speed testing.  
**Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini dipersetujui dan difahami bahawa Polisi ini akan dilanjutkan untuk melindungi kematian atau kehilangan upaya atau sebarang kehilangan lain yang secara khusus diinsuranskan di dalam Polisi ini, yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan semasa mengendalikan atau menunggang motosikal (sama ada sebagai penunggang atau penumpang), dengan syarat bahawa lanjutan ini tidak akan berkuatkuasa semasa Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam perlumbaan, penentuan rentak perlumbaan, ujian ketahanan atau ujian kelajuan.**

#### 5P37 STRIKE, RIOT AND CIVIL COMMOTION CLAUSE / FASAL MOGOK, RUSUHAN DAN KEKACAUAN AWAM

Notwithstanding anything contained herein to the contrary it is hereby agreed and understood that this Policy extends to cover death or disablement or any other loss expressly insured herein, caused by Strike, Riot and Civil Commotion provided that this extension shall not apply whilst the Insured Person is personally engaged in such activities.  
**Walau apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini dipersetujui dan difahami bahawa Polisi ini akan dilanjutkan untuk melindungi kematian atau kehilangan upaya atau sebarang kehilangan lain yang secara khusus diinsuranskan di dalam Polisi ini, yang disebabkan oleh Mogok, Rusuhan dan Kekacauan awam dengan syarat bahawa lanjutan ini tidak akan berkuatkuasa semasa Orang Yang Diinsuranskan sendiri terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut.**

## CONDITIONS / SYARAT-SYARAT

- This insurance shall not commence until the premium has been actually paid to and accepted by the Company and no payment in respect of any premium shall be deemed to be payment to the Company unless a printed form of receipt signed by a duly authorised representatives of the Company shall have been issued therefor.  
**Insurans ini tidak akan berkuatkuasa sehingga premium sebenarnya telah dibayar kepada dan diterima oleh Syarikat dan pembayaran bagi sebarang premium tidak akan dianggap sebagai pembayaran kepada Syarikat melainkan resit bercetak yang telah ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat telah dikeluarkan untuknya.**
- All notices required to be given by the Insured to the Company must be in writing addressed to the nearest Local Branch or Agency of the Company and no alteration in the terms of this Policy nor any endorsement thereon, will be held valid unless the same is signed or initialed by an authorised representative of the Company.  
**Semua notis yang perlu diberikan oleh Pemegang Insurans kepada Syarikat mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Cawangan Tempatan atau Agensi Syarikat yang terdekat dan sebarang perubahan kepada peraturan-peraturan Polisi ini atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau dipaparkan oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.**
- The Company shall at any time by giving seven days notice to the Insured by Registered Letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to determine and cancel this Policy, provided that the Company shall in that event on demand return to the Insured a proportionate part of the premium corresponding to the unexpired period of insurance. This policy may be cancelled at any time by the Insured on seven days' notice to the Company and in such event the Insured shall be entitled to a return of the premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the current period of insurance.  
**Syarikat berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Pemegang Insurans menerusi surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Syarikat, menentukan dan membatalkan Polisi ini, dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Pemegang Insurans bahagian peredaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pemegang Insurans dengan memberikan notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Pemegang Insurans berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa dalam tempoh insurans semasa.**
- The Insured shall give immediate notice to the Company of any change of address occupation pursuits or any injury, disease, physical defect or infirmity by which the Insured has become affected and also notice of any other Insurance (excepting Coupon or in connection with a Motor Insurance Policy) affected against accident or incapacity.  
**Pemegang Insurans hendaklah memberi notis serta-merta kepada Syarikat mengenai sebarang pertukaran alamat, pekerjaan, usaha atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau ketiadaan upaya yang dialami oleh Pemegang Insurans dan juga notis mengenai sebarang Insurans lain (kecuali Kupon atau berkaitan dengan Polisi Insurans Motor) yang diambil untuk melindungi kemalangan atau kehilangan upaya.**
- The Company shall unless otherwise expressly provided by endorsement on this Policy be entitled to treat the Insured as the absolute owner of the Policy and shall not be bound to recognize any equitable or other claim to or interest in the Policy and the receipt of the Insured (or of the Insured's legal personal representatives) alone shall be an effectual discharge.  
**Melainkan diperuntukkan sebaliknya secara khusus menerusi pengendorsan kepada Polisi ini, Syarikat berhak untuk menganggap Pemegang Insurans sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan saksama atau tuntutan lain terhadap atau kepentingan dalam Polisi ini dan pengakuan penerimaan oleh Pemegang Insurans (atau wakil peribadi Pemegang Insurans yang sah di sisi undang-undang) sahaja memadai sebagai pelepasan tanggungan Syarikat.**
- If the proposal or declaration of the Insured is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated therein or omitted therefrom or if this Insurance or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement, misrepresentation or suppression or if any claim made shall be fraudulent or exaggerated or if any false declaration or statement shall be made in support thereof then in any of these cases this Policy shall be void.  
**Sekiranya cadangan atau perakuan Pemegang Insurans tidak benar dalam sebarang hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh dalam menjelaskan risiko disalahnyatakan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika Insurans ini atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salah nyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Polisi ini akan dianggap terbatal.**
- Upon the happening of any accident likely to give rise to a claim under this Policy the Insured shall within 14 days after the happening of the accident give notice to the Company with full particulars of the accident and injuries and shall as soon as possible procure and act on proper medical or surgical advice.  
The Insured (or the Insured's legal Personal representatives) shall at the expense of the Insured furnish to the Company all such certificates information and evidence as may be required by the Company and the Insured shall whenever reasonably required to do so submit to medical examination on behalf to the Company. In the event of the death of the Insured the Company shall be entitled to have a post mortem examination at its own expense and notice shall when practicable be given to the Company before interment or cremation stating the time and place of any inquest appointed.  
**Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini Pemegang Insurans hendaklah dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan berlaku memberi notis kepada Syarikat dengan butir-butir penuh mengenai kemalangan dan kecederaan dan hendaklah secepat mungkin mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar.**  
**Pemegang Insurans (atau wakil peribadi Pemegang Insurans yang sah di sisi undang-undang), atas perbelanjaan Pemegang Insurans sendiri, hendaklah menyerahkan kepada Syarikat segala sijil, maklumat dan keterangan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat dan Pemegang Insurans hendaklah, pada bila-bila masa diperlukan dengan sewajarnya berbuat demikian, menjalani pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat. Sekiranya Pemegang Insurans meninggal dunia, Syarikat berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dijalankan atas perbelanjaannya sendiri dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada Syarikat, sebelum upacara pengebumian atau pembakaran dijalankan, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang percabaran penyiasatan yang ditetapkan.**
- If any difference arises as to the amount of the Company's liability under this Policy, such difference shall independently of all other questions be referred to the decision of an Arbitrator, to be appointed in writing by, both parties or if they cannot agree upon a single Arbitrator, to the decision of two Arbitrators of whom one shall be appointed in writing by each of the parties within two calendar months after having been required to do so in writing by the other party and in case of disagreement between the Arbitrators the difference shall be referred to the decision of an Umpire who shall have been appointed in writing by the Arbitrators before entering on the reference and an award by arbitration shall be a condition precedent to any right of action against the Company as regards any dispute regarding the amount of the Company's liability under this Policy.  
**Jika timbul sebarang percanggahan mengenai jumlah tanggungan Syarikat di bawah Polisi ini, percanggahan tersebut secara asing daripada semua persoalan lain, hendaklah dirujuk untuk diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan perantaraan seorang Penimbangtara, untuk diputuskan oleh dua Penimbangtara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh dua bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang lain dan sekiranya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan, percanggahan itu hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang telah dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbangtara sebelum mula mendengar perkara yang dirujuk dan keputusan hendaklah dibuat sebagai syarat sebelum sesiapa berhak untuk mengambil tindakan terhadap Syarikat di atas sebarang pertikaian berkaitan dengan jumlah tanggungan Syarikat di bawah Polisi ini.**
- If the Company shall disclaim liability to the Insured (or to the Insured's legal personal representatives) for any claim hereunder, in no case shall the Company be liable in respect of such claim after the expiration of twelve months from the date of such disclaimer unless the claim is the subject of pending court action or arbitration.  
**Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Pemegang Insurans (atau kepada wakil Pemegang Insurans yang sah di sisi undang-undang) bagi sebarang tuntutan di bawah Polisi ini, Syarikat dalam keadaan apa pun tidak akan menerima tanggungan terhadap tuntutan tersebut selepas tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penolakan itu kecuali tuntutan tersebut tertakluk kepada tindakan mahkamah atau penimbangtaraan.**
- The insured shall not be less than 16 years of age nor more than 65 years of age.  
**Pemegang Insurans tidak boleh berusia kurang daripada 16 tahun atau melebihi 65 tahun.**
- The due observance and fulfillment of the Terms, Provisions, Conditions, Clause and Endorsement of this Policy, in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured (or the Insured's legal personal representatives), shall be condition precedent to any liability of the Company to make any payment under the Policy. Failure to comply with any of the terms, provisions and condition in this Policy shall invalidate all claims hereunder.  
**Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk membuat pembayaran di bawah Polisi ini, Pemegang Insurans (atau wakil Pemegang Insurans yang sah di sisi undang-undang) hendaklah mematuhi dan memenuhi Peraturan-Peraturan, Peruntukan-Peruntukan, Syarat-Syarat, Fasal dan pengendorsan Polisi ini setakat mana yang boleh dilakukan atau dipatuhi. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peraturan, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.**
- PREMIUM WARRANTY / WARANTI PREMIUM**  
It is fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the insurer within sixty (60) days from the inception date of this Policy / Endorsement / Renewal Certificate.  
**Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi / Pengendorsan / Sijil Pembaharuan ini.**  
If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the insurer shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk.  
**Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat Insurans berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko.**  
Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the insurer, the payment shall be deemed to be received by the insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an Insurance Agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the insurer.  
**Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat Insurans yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat Insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk Agen Insurans, yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat Insurans.**

13. **DUTY OF DISCLOSURE / KEWAJIPAN PENDEDAHAN**

Where you have applied for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) i.e. you should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013. You were also required to disclose any other matter that you knew to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

*Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.*

*Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.*

Disputes can be referred to: Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau) Tel No : 03-2272 2811  
Sebarang pertikaian boleh dirujuk kepada: Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tel No : 03-2272 2811